

28 JUN 2001

Mahathir-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA UNTUK LAWATAN DUA HARI KE PULAU PINANG

PULAU PINANG, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali hari ini tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas petang ini untuk melakukan lawatan selama dua hari di negeri ini.

Ketibaan beliau dan isteri disambut oleh kira-kira 1,000 orang anggota Barisan Nasional (BN) yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isterinya Datin Seri Endon Mahmood.

Selama berada di negeri ini beliau mempunyai aturcara lawatan yang begitu padat.

Perdana Menteri dan isteri dijadual menghadiri jamuan makan malam bersama-sama anggota Exco kerajaan negeri dan Anggota Dewan Undangan Negeri di sebuah hotel di sini sebelum menghadiri perjumpaan dengan pemimpin BN di hotel yang sama, malam ini.

Esok, Perdana Menteri akan bertemu dengan pemimpin Umno terdiri daripada jawatankuasa bahagian, ketua cawangan, ketua Pemuda dan Wanita bahagian Bayan Baru dan Balik Pulau dalam satu majlis tertutup di Kompleks Sukan Balik Pulau.

Beliau kemudiannya akan menghadiri majlis makan tengah hari bersama rakyat di kompleks berkenaan sebelum bertolak ke Masjid Seberang Jaya untuk menunaikan solat Jumaat di sana.

Selepas menunaikan solat Jumaat, beliau dijadualkan menghadiri perjumpaan dan dialog dengan pemimpin Umno Bahagian Permatang Pauh dan Bukit Mertajam di Politeknik Seberang Jaya.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan menghadiri majlis jamuan teh bersama rakyat di perkarangan politeknik itu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur dari Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Butterworth pada lewat petang.

-- BERNAMA

NER RI